




7.2

**GRADUAN OKU 2017:
KELUARAN DAN
MAKLUMAT
PEKERJAAN**

GRADUAN OKU 2017: KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN

Rajah 7.2.1: Graduan OKU 2017 mengikut jenis IPT dan jantina



Graduan OKU 2017 Mengikut Jenis IPT dan Jantina

- Pada tahun 2017, seramai 682 graduan berstatus OKU telah dikeluarkan oleh IPT. UA mengeluarkan seramai 242 orang graduan OKU, diikuti IPTS seramai 218 orang, kolej komuniti (141 orang), politeknik (78 orang) dan IPT lain seramai 3 orang.
- Secara keseluruhan, graduan OKU lelaki melebihi graduan OKU perempuan melainkan bagi politeknik.


Rajah 7.2.2: Graduan OKU 2017 mengikut peringkat dan bidang pengajian utama

Peringkat pengajian	Jumlah responden		Sastera & sains sosial	Sains	Teknik	Teknologi maklumat & komunikasi	Pendidikan
	Bil	%					
Ph.D	10	1.5	40.0	-	30.0	-	30.0
Sarjana	46	6.7	50.0	8.7	6.5	4.3	30.4
Diploma lepasan Ijazah	1	0.1	-	-	-	-	100
Ijazah pertama	258	37.8	61.2	12.8	8.5	7.4	10.1
Diploma lanjutan	1	0.1	100	-	-	-	-
Diploma	172	25.2	61.6	7.0	8.7	17.4	5.2
Sijil	193	28.3	62.2	0.5	30.1	7.3	-
Profesional	1	0.1	100	-	-	-	-
Jumlah	682	100	60.6	7.3	14.8	9.5	7.8

Graduan OKU 2017 Mengikut Peringkat dan Bidang Pengajian Utama

- Dalam kalangan 682 orang graduan OKU yang dikeluarkan oleh IPT pada tahun 2017, sebanyak 37.8 peratus adalah di peringkat ijazah pertama, 28.3 peratus di peringkat sijil, dan 25.2 peratus di peringkat diploma. Disamping itu, terdapat 6.7 peratus di peringkat sarjana.
- Majoriti graduan peringkat ijazah pertama, diploma dan sijil adalah dalam bidang sastera dan sains sosial.


Rajah 7.2.3: Jenis kecacatan graduan OKU 2017



Jenis Kekacatan Graduan OKU 2017

- Sebahagian besar, iaitu 37.8 peratus graduan OKU 2017 mengalami kecacatan anggota fizikal, diikuti 18.0 peratus kecacatan pendengaran, 14.8 peratus cacat penglihatan, 16.9 peratus mengalami kecacatan pelbagai dan 9.7 peratus lagi mengalami kecacatan masalah pembelajaran. Selebihnya mengalami masalah kecacatan pertuturan dan mental, iaitu masing-masing 1.3 peratus.

Rajah 7.2.4a: Status pekerjaan graduan OKU 2017



Status Pekerjaan Graduan OKU 2017


- Sebanyak 53.9 peratus graduan OKU 2017 berada dalam kategori bekerja, 80.1 peratus bekerja sepenuh masa dan 19.9 lagi peratus bekerja separuh masa.
- Sebanyak 15.2 peratus melanjutkan pengajian sejurus tamat pengajian, 3.1 peratus sedang meningkatkan kemahiran dan 1.7 peratus menunggu penempatan pekerjaan.
- Selebihnya, iaitu 26.1 peratus, graduan OKU masih belum bekerja sempena dengan musim konvokesyen masing-masing.

Rajah 7.2.4b: Status pekerjaan graduan OKU mengikut peringkat pengajian, 2017

Peringkat pengajian	Jumlah responden	Bekerja	Melanjut pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
		%				
Ph.D	7	85.7	-	-	-	14.3
Sarjana	38	68.4	5.3	2.6	-	23.7
Ijazah pertama	240	44.2	9.2	1.3	6.3	39.2
Diploma lanjutan	1	100	-	-	-	-
Diploma	153	33.3	40.5	2.6	1.3	22.2
Sijil	165	82.4	3.6	1.2	1.2	11.5
Profesional	1	-	-	-	-	100
Keseluruhan	605	53.9	15.2	1.7	3.1	26.1

Status Pekerjaan Graduan OKU Mengikut Peringkat Pengajian, 2017


- Majoriti, graduan OKU peringkat Ph.D dan sijil telah bekerja semasa kaji selidik dijalankan, iaitu masing-masing 85.7 peratus dan 82.4 peratus.
- Bagi graduan OKU peringkat sarjana, sebanyak 68.4 peratus menyatakan mereka bekerja dan 23.7 peratus belum bekerja.
- Sebanyak 44.2 peratus graduan OKU peringkat ijazah pertama telah bekerja sempena dengan konvokesyen masing-masing.
- Graduan OKU peringkat diploma pula menunjukkan sebanyak 40.5 peratus sedang melanjutkan pengajian dan 33.3 peratus sudah bekerja.

Rajah 7.2.5: Sektor pekerjaan graduan OKU 2017

Sektor Pekerjaan Graduan OKU 2017

- Sebahagian besar, iaitu 58.7 peratus graduan OKU bekerja dalam sektor swasta dengan 42.8 peratus dalam swasta tempatan dan 15.9 peratus dalam sektor swasta multinasional.
- Peratus graduan OKU yang bekerja dalam sektor kerajaan ialah 20.3 peratus dan 9.4 peratus bekerja dalam perusahaan sendiri.

Rajah 7.2.6: Pendapatan bulanan graduan OKU 2017



Pendapatan Bulanan Graduan OKU 2017

- Dalam kalangan graduan OKU 2017 yang bekerja, sebanyak 43.6 peratus berada dalam kumpulan pendapatan bulanan RM1000 dan ke bawah. Ini diikuti 32.5 peratus dalam kumpulan pendapatan RM1001 – RM2000, 11.4 peratus dalam kumpulan RM2001 – RM3000 dan 8.6 peratus dalam kumpulan RM3001 – RM5000.
- Disamping itu terdapat sebanyak 4.0 peratus yang memperolehi pendapatan RM5001 dan ke atas

Rajah 7.2.7a: Jenis pekerjaan graduan OKU 2017 (15 tertinggi)

Jawatan	Bil.
(n = 326)	
Kerani	41
Guru	33
F & B	28
Jurujual	24
Operator	12
Eksekutif	11
Jurutera	7
Pengurus	7
Pembantu Akaun	6
Pereka	5
Juruaudit	5
Penyelia	4
Pembantu rumah	4
Juruteknik	3
Juruwang	3

Jenis Pekerjaan Graduan OKU 2017 (15 Tertinggi)

- Lima jenis kelompok pekerjaan utama bagi graduan OKU 2017 ialah kerani, guru, perkhidmatan F & B, Jurujual dan Operator.


Rajah 7.2.7b: Majikan graduan OKU 2017
(15 tertinggi)

Majikan	Bil.
(n = 326)	
KPM	26
Kedai makan/restoran	26
Hotel	14
Pasaraya	6
KKM	5
Kedai Kek/Pastri	5
Bank	3
KFC	3
JKM	2
Bengkel Daya	2
CELCOM	2
LHDN	2
Onitek Sdn. Bhd.	2
Petronas	2
Tabika	2

Majikan Graduan OKU 2017 (15 Tertinggi)

- KPM merupakan majikan tertinggi bagi graduan OKU 2017, diikuti Kedai makan/restoran dan Hotel

Rajah 7.2.8: Kadar belum bekerja graduan OKU 2017 mengikut bidang pengajian utama



Kadar Belum Bekerja Graduan OKU 2017 Mengikut Bidang Pengajian Utama

- Kadar belum bekerja mengikut bidang pengajian menunjukkan graduan bidang sains adalah tertinggi, iaitu 38.6 peratus, diikuti bidang sastera dan sains sosial (28.8 peratus), bidang teknologi maklumat dan komunikasi (23.3 peratus), bidang pendidikan (17.0 peratus) dan bidang teknik sebanyak 14.5 peratus.